



**BADAN DAKWAH DAN ROHANI
SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH**

**TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI
(SOP)**

(LAJNAH PENERBITAN)

BADAR SAMTTAR

ISI KANDUNGAN

1.0 SKOP TUGAS BERSAMA

- Skop Tugas AJK Khas

2.0 GERAK KERJA

- Poster An-Nadwah
- Majalah An-Nadwah
- Media Kit
- Grup *Telegram*
- Pengelolaan *StreamYard*

3.0 LAPORAN BULANAN

4.0 TANGGUNGJAWAB LAJNAH

- Kepada AMT
- Lajnah lain

RUJUKAN

1.0 SKOP TUGAS BERSAMA

- Membahagikan tugas antara Ketua & Penolong dan AJK Khas.
- Menyediakan poster dan Majalah AN-NADWAH.
- Menyediakan poster Saf Qiadah BADAR bagi setiap tahun.
- Menyediakan bahan grafik untuk media sosial BADAR SAMTTAR.
- Menyediakan poster atau bahan grafik yang diminta oleh Lajnah.
Contohnya : *Poster Pencarian Ahlil BADAR.*
- Menjadi wakil BADAR dalam menerima karya yang dihantar oleh warga SAMTTAR untuk Lajnah Penerbitan BADAR.
- Memastikan pergerakan media BADAR berjalan lancar dan diterima oleh warga SAMTTAR.
- Menyediakan platform yang sesuai untuk *official live* BADAR SAMTTAR.
- Membuat poster hebahan program-program BADAR.

1.1 SKOP TUGAS AJK KHAS

- Membantu Ketua & Penolong dalam pembikinan bahan.
- Menjadi *backup runner* sekiranya Ketua & Penolong menghadapi kekangan. • Mencerahkan fikrah kepada Ketua & Penolong

2.0 GERAK KERJA


1. Poster An-Nadwah

- Poster An-Nadwah ialah poster bulanan BADAR SAMTTAR.
- Pada **tahun-tahun sebelum** ini, Poster An-Nadwah dicetak dalam bentuk risalah, kemudian disebarikan ke setiap kelas. Dan, kaedah ini akan diteruskan pada tahun 2022.
- Pada tahun **2020**, Poster An-Nadwah dikeluarkan secara maya. Poster akan diterbitkan oleh Lajnah Penerbitan, dan seterusnya disebarikan ke setiap media sosial BADAR. Cara ini lebih berkesan dan mendapat tempat dalam kalangan pelajar SAMTTAR yang lazim menggunakan media sosial.
- Bermula **2021**, Poster An-Nadwah kembali dicetak dalam bentuk risalah semula.
- **Bahan pengisian yang diketengahkan dalam Poster An-Nadwah mestilah selari dengan Lajnah Usrah dan Tarbiah**

† Prosedur Poster An-Nadwah :

1. Mendapatkan bahan poster daripada Lajnah Usrah dan Tarbiah.
 2. Sekiranya poster telah selesai disunting, Lajnah Penerbitan akan menyebarkan poster dalam Grup *Telegram* AMT X Penerbitan terlebih dahulu.
- **Tujuan** : AMT dapat memberi **semakan terakhir** dari sudut tatabahasa dan laras bahasa yang digunakan dan merangkumi segala aspek.
3. Sekiranya tiada pembetulan, Lajnah Penerbitan akan kongsi Poster An-Nadwah di Grup *Whatsapp* AJK BADAR SAMTTAR.

Tujuan : Tindakan Ahli BADAR untuk kongsi Poster An-Nadwah di media sosial



Contoh hebahan Poster An-Nadwah yang disampaikan di Grup AJK BADAR SAMTTAR 2021

GHAZWATUL FIKR

Perang Pemikiran Umat Islam

وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَعْلَمُوا وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ قِيمَتُهُ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

"Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya."

Surah Al-Baqarah ayat 217

Ghazwatul Fikr : Penyerapan dengan pelbagai cara terhadap pemikiran umat Islam yang mengubah apa yang terdapat dalamnya sehingga tidak boleh dipengaruhi oleh perkara-perkara yang hak akibat daripada percampuran perkara-perkara batil.

Terdapat 3 perang pemikiran yang perlu kita tahu :

Sekularisme

Memisahkan dunia dan agama serta menganggap perkara di dunia langsung tidak ada kena mengena dengan agama

Contoh :

Mengamalkan riba di dunia kerana menganggap ianya tiada kaitan dengan agama dan hukum hakam atau lebih mudah untuk difahami

"Dunia untuk dunia sahaja,
Akhirat untuk akhirat"

Liberalisme

Aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan kebebasan yang diberi kepada seseorang individu dalam suatu perkara melebihi had agama.

Contoh :

Perjuangan beberapa individu dalam isu LGBT kerana bagi mereka hak jantina dan seksualiti diri adalah bebas. Perkara ini jelas sekali bertentangan dengan apa yang Islam ajarkan.

Hedonisme

Pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan kesenangan dan keseronokan hidup.

Contoh :

Taksu dengan kumpulan KPOP yang berlainan agama juga fahaman yang berbeza sehingga lalai dan terpesong dari agama Islam.

Contoh Poster An-Nadwah

2. Majalah An-Nadwah


- Bermula tahun **2020**, Majalah An-Nadwah ialah produk terbaru Lajnah Penerbitan BADAR SAMTTAR. Sebelum ini, Lajnah Penerbitan tidak menerbitkan Majalah An-Nadwah.
- Majalah An-Nadwah juga dikenali sebagai Buletin An-Nadwah.
- Majalah ini akan diterbitkan pada setiap hujung bulan sebelum memasuki bulan seterusnya.
- Majalah ini menggunakan kaedah '*flip*'.
- Bermula tahun **2021**, Majalah An-Nadwah diteruskan melalui kaedah *flip*.
- Majalah An-Nadwah diterbit dan diedarkan pada hujung bulan di platform Whatsapp oleh AJK Tingkatan BADAR.

✦ Prosedur Majalah An-Nadwah :

1. Memaklumkan tentang draf majalah dalam Grup *Whatsapp* AJK LAJNAH BADAR untuk tindakan setiap AJK Lajnah.
2. Setiap AMT dan Lajnah memberikan maklumat yang diminta oleh Lajnah Penerbitan untuk pembikinan majalah.
3. Lajnah Penerbitan menerbitkan majalah berdasarkan bahan yang diterima.
4. Lajnah merujuk **murabbi Lajnah Penerbitan** untuk semakan akhir.
5. Lajnah membuat ayat makluman buat seluruh warga SAMTTAR tentang maklumat Majalah An-Nadwah.
6. Lajnah membuat makluman lengkap dalam Grup *Whatsapp* AJK BADAR SAMTTAR untuk menghebahkan majalah.



Contoh **pemakluman tentang draf buletin/majalah** untuk caknaan AJK Lajnah yang terlibat

AJK LAJNAH BADAR 2021 

Ketua Lajnah Penerbitan BADAR 2020

SENARAI NAMA NOCABAK SAMTTAR 2020

TINGKATAN 4

BIL	NAMA	JANT	TINGK
1	MUHAMMAD ZAUREIN BIN ROSMAN	L	4
2	MUHAMMAD SHAFIE HAITHAM BIN MOHD SAIFUL	L	4
3	FARID AMAN BIN MOHD JOHARI	L	4
4	AHMAD AQIL IMAN BIN HAIZAN	L	4
5	MUHAMMAD ZAIRUL AKMAL BIN MOHD ZAIRUDD	L	4
6	MUHAMMAD DANIAL ASRAFF BIN HALIMI	L	4
7	MUHAMMAD SYAZRIN AZRAIE BIN SYAMZANIZAN	L	4
8	MUHAMMAD ALIFF AMAN BIN ABD HAFIDZ	L	4
9	MUHAMMAD FAZZUDDIN BIN MOHD FAISER	L	4
10	AZZIM MUALLIF BIN ABDUL AZIZ	L	4
11	NURUL AIN NAZIRAH BINTI MOHD ZAID	P	4
12	SITI HAWA BINTI SAFIE	P	4
13	NUR HUSNA HAZIRAH BINTI MOHD ISMAIL	P	4
14	NUR WAFIA DINA BINTI RAMLI	P	4
15	NUR ANEESA AWATIF BINTI ROSLI	P	4
16	FARAH NUR ILHAMI BINTI EKHSAN	P	4
17	NURIN ELESA BINTI ZAINAL	P	4
18	NURUL AMALINA BINTI MD ZAIRULAZAM	P	4
19	SOFIYATUN NAJIHAH BINTI IBRISAM	P	4
20	NUHA MAHEERAH BINTI SHAFUL AMRI	P	4
10	LELAKI		
10	PEREMPUAN		
	JUMLAH 20 ORANG		

10:11

Dalam 10 Naqib ni, siapa je yg tak duduk asrama?
10:11

Saya nak mintak 2 org drpd mereka untuk Tinta Tausiyah
10:14

@Ketua Lajnah UT BADAR 2020 atau @Ketua Lajnah Dokumentasi BADAR 2020 boleh mintakkan tak 2 org Naqib untuk tinta tausiyah?
10:14

Gerak kerja **pembahagian tugas pembikinan majalah** yang dimaklumkan oleh Lajnah Penerbitan

- Namun, Lajnah Penerbitan harus utamakan Tinta Tausiah daripada BADAR terlebih dahulu

Tinta Tausiah



TARBIAH

Secara ringkasnya, tarbiah ialah proses untuk berubah menjadi lebih baik. Setiap perkara mestilah mempunyai cara, seperti pokok yang ingin ditanam, perlulah bermula dengan biji benih, disiram dan dijaga rapi sehingga membesar dan sebagainya. Begitu juga dengan tarbiah.

Namun, usaha dan amalan perlulah berterusan sentiasa agar anasir-anasir luar tidak berupaya untuk mengganggu kita. Dan, prosesnya hendaklah bermula sejak awal lagi, iaitu sejak kecil.

Firman Allah SWT dalam surah At-Tahrim (66) yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Perbaikilah diri kamu dan ketahuilah kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhalal).".

Maka, sentiasalah ditarbiah dan mentarbiah agar hati dan iman kita dilindungi Allah SWT setiap masa.

SDR. AFID ZAKRIWAN
PRESIDEN
BADAN DAKWAH DAN ROHANI
(BADAR), SANITAR 2021

Tinta Tausiah



Mahabbah Rasul

Satu benih cinta yang perlu disiram dengan air selawat yang dipenuhi cinta dan rindu yang akan menumbuhkan pohon cinta yang subur. Dengannya, akan membuahkan akhlak yang mulia.

Rasulullah SAW adalah pintu kecintaan Allah. Hamba hanya akan mendapat kecintaan Allah setelah melepasi pintunya iaitu Rasulullah SAW.

Orang yang benar cinta Rasulullah akan menjadikan dirinya sama seperti Rasulullah. Akhlaknya Rasulullah, tutur katanya Rasulullah, cara minumnya Rasulullah, dan paling tinggi hatinya seperti Rasulullah.


Jika Rasulullah tidak perlu kepada dalil dan syarat untuk mencintai kita, maka kita juga tidak perlu pada dalil dan syarat untuk mencintai Rasulullah.

SDR. MUZZIDIN
KETUA MAJLIS & KETUA
LAJNAH USRAH DAN TARBIAH
BADAN DAKWAH DAN ROHANI
(BADAR), SANITAR 2021


Contoh tinta tausiah daripada Presiden & Ketua Lajnah Usrah dan Tarbiah yang dihasilkan oleh Lajnah Penerbitan dalam Majalah An-Nadwah



Gerak kerja **pemakluman Lajnah Penerbitan mengenai pembikinan majalah yang telah siap**

AJK BADAR SAMTTAR 2021 

Ketua Lajnah Penerbitan BADAR 2020



Senarai Semak Hebahan BADAR

Tarikh: 29/10/2020
Hari: Khamis
Masa: 3.30 ptg
Tajuk: Buletin BADAR edisi okt

Anjuran: BADAR
Platform: Group Form

- GF 1
- GF 2
- GF 3
- GF 4
- GF 5
- GF 6 STPM Atas
- GF 6 STPM Bawah
- GF 6 STAM


Gerak kerja pemakluman Lajnah Penerbitan mengenai hebahan Buletin An Nadwah ke setiap *Group Form (GF) SAMTTAR*

3. Media Kit


- Media Kit ialah *Tatacara Pengendalian Piawai* (SOP) bagi setiap produk di bawah Lajnah Penerbitan BADAR.
- Tujuan Media Kit ialah untuk menghasilkan keseragaman dan menjaga hak cipta BADAR SAMTTAR.

1. Sertakan #badarsamttar #samttar #samttarbumirohmah di hujung posting.
2. Sebarang pembikinan hebahan atau poster boleh menggunakan akaun *canva* BADAR SAMTTAR.
3. Sekiranya mahu mengambil *quotes* atau ayat daripada pemilik akaun media sosial orang lain, sila nyatakan *credit (credit to)*
 - ★ Contoh : mention *Instagram* beliau atau tulis *credit to :*
4. Sekiranya Ahlil BADAR sendiri mahu *post* video tazkirah ringkas atau bacaan-bacaan dan lain-lain, sila maklumkan pada Jawatankuasa Lajnah Penerbitan untuk disunting sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum posting dibuat.
5. Setiap poster atau bahan grafik bawah Lajnah Penerbitan **perlu** disertakan
 1. Badan Dakwah & Rohani (BADAR) SAMTTAR
 2. *Instagram* @badarsamttar
 3. *Facebook* @Badar Samttar
 4. *Telegram* @badarinfiru

*Bahan ini telah disediakan oleh Lajnah Penerbitan dan boleh dapatkan di aplikasi *canva* BADAR SAMTTAR.
6. Pastikan sebelum poster disebar, dimuat naik di Grup *Telegram* PENERBITAN X AMT BADAR SAMTTAR supaya mudah dikesan dan diperbetulkan terlebih dahulu.
7. IGTV dan IG *Live* adalah digalakkan dalam Bahasa Melayu supaya mudah difahami oleh para pelajar.



(contoh bahagian atas pada poster)



(contoh bahagian bawah pada poster)

4. Grup Telegram AMT X Penerbitan

- Tujuan penubuhan grup :
 - (1)Stor simpanan bagi setiap produk Lajnah Penerbitan
 - (2)Memberi ruang kepada AMT untuk memberi **semakan terakhir** dari sudut tatabahasa dan laras bahasa yang digunakan dalam produk Lajnah Penerbitan, merangkumi segala aspek pembetulan
- **Sebelum** suntingan, Lajnah perlulah berkongsikan bahan pengisian poster di grup ini untuk semakan awal AMT BADAR SAMTTAR dari sudut tatabahasa dan laras bahasa yang digunakan.
- **Setelah** selesai pembikinan produk Lajnah Penerbitan, Lajnah Penerbitan perlulah berkongsi produk mereka di grup ini.
- Sekiranya tiada sebarang keralatan yang berlaku, dan tiada sebarang pembetulan dari AMT BADAR, maka Lajnah Penerbitan boleh terus menyebarkan produk tersebut kepada Ahli BADAR.

5. Tatacara Pengelolaan *Streamyard*

1) Paparan nama dalam *Streamyard*

(nama, huruf awal ditulis dengan huruf besar) | BADAR SAMTTAR)

Contoh :


- AJK BADAR : Suhaib | BADAR SAMTTAR

- Pentadbir SAMTTAR : Tuan Haji Mohd Yazid | Pengetua SAMTTAR
- Penceramah luar atau murabbi SAMTTAR : Al Fadhil Ustaz Hakim /Al Fadhilah Ustazah Hakimah

a)




Contoh tatacara yang **salah**




Contoh tatacara yang **betul**

b)




Contoh tatacara yang **salah**




Contoh tatacara yang **betul**

c)



Contoh tatacara yang **salah**



Contoh tatacara yang **betul**


2) Paparan agenda Live



Paparan agenda mestilah disertai dengan nama *Person In Charge* (PIC)

3) Paparan komen


- *Comment* warganet di *Facebook* boleh dipaparkan di skrin *Facebook Live*.
- **Syarat** paparan *comment* : kata-kata tasyjiat, galakan dan soalan
- Tidak boleh memaparkan *comment* yang berbentuk : teguran, kritikan tentang kelemahan multimedia BADAR dan komen-komen negatif




Cara memaparkan *comment* di skrin *Facebook Live*.

Tekan *comments* dan *show*

- Cara menyunting paparan nama di *Streamyard*



Tekan *setting* tersebut,
kemudian *edit name*



Edit, kemudian *save*




Contoh paparan nama bagi AJK BADAR

4) Mengalu-alukan kehadiran tetamu

- AMT BADAR perlu menyapa tetamu yang hadir di balik tabir *Streamyard* sebelum berlangsungnya *live*. Sekiranya barisan AMT BADAR tidak dapat melibatkan diri, mana-mana AJK BADAR boleh mewakilkan tugas mereka.
- Contoh : Mulakan dengan memberi salam, maklumkan tentang perjalanan dan pergerakan program, ajukan soalan pada tetamu tentang kesediaan dan keselesaan untuk *On Air*.
- Seandainya terdapat masalah teknikal pada peranti tetamu, sama ada mikrofon atau kamera terputus hubungan, Lajnah Penerbitan boleh mengambil sedikit masa untuk menghadapi situasi tersebut. Tidak mengapa seandainya *live* terlewat sedikit.

5) Mengakhiri balik tabir *Streamyard* dengan ucapan terima kasih dan mewakili permohonan maaf BADAR atas segala kekurangan



Selepas tamat sahaja program, AJK balik tabir *Streamyard* boleh mengucapkan terima kasih kepada tetamu dan mewakili permohonan maaf dari pihak BADAR atas segala kekurangan

3.0 LAPORAN BULANAN

1. Laporan Bulanan mestilah merangkumi perkara berikut :
 - i. Perkara
 - ii. Laporan Ringkas
 - iii. Penglibatan
 - iv. Huraian dan Masalah
 - v. Cadangan Penambahbaikan
 - vi. Lampiran (jika ada)
 - vii. Disediakan oleh (gunakan jawatan mengikut organisasi BADAR: Ketua Lajnah Penerbitan atau Penolong Ketua Lajnah Penerbitan atau AJK Khas Lajnah)
2. Pada tahun 2020 & 2021, pembikinan laporan bulanan adalah daripada Ketua & Penolong Lajnah sahaja.
3. Namun, pada tahun 2022, pembikinan laporan bulanan juga akan **dikuatkuasakan** kepada AJK Khas setiap lajnah.

4. Serahkan laporan yang telah disiapkan kepada barisan Setiausaha BADAR untuk semakan.
5. Sekiranya tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti pada bulan tersebut, anda **dikecualikan** dalam membuat laporan bulanan. Namun begitu, laporan tetap perlu dihantar kepada barisan Setiausaha walaupun tiada apa-apa yang perlu dilaporkan untuk bulan tersebut

4.0 TANGGUNGJAWAB KEPADA AMT DAN LAJNAH LAIN

- **Setiausaha**

- 1- Menerima laporan bulanan bagi setiap produk yang dihasilkan oleh Lajnah Penerbitan.
- 2- Menyerahkannya kepada barisan Setiausaha BADAR SAMTTAR.

- **Lajnah Dokumentasi**

- 1- Membantu menyediakan stok gambar seperti gambar aktiviti bulanan BADAR, gambar formal BADAR dan lain-lain.

• **Lajnah Usrah dan Tarbiah**

- 1- Menyediakan bahan atau draf poster dalam bentuk tulisan kepada Lajnah Penerbitan selewat-lewatnya 4 hari sebelum pembikinan poster.
- 2- Memastikan bahan/draf daripada sumber yang sahih dan telah disemak oleh murabbi Lajnah Usrah dan Tarbiah iaitu, Puan Laiyinah Azzahra binti Mohd Rabeh.

RUJUKAN

1. Poster dan majalah yang telah siap disunting akan disemak terlebih dahulu oleh murabbi Lajnah Penerbitan.
2. Seterusnya, produk boleh dihebahkan ke platform-platform yang sesuai.
3. Poster dan majalah yang diluluskan akan diberikan kepada semua Ahli BADAR terlebih dahulu sebelum disebar kepada umum.

Produk

- 1- Majalah An-Nadwah atau Buletin An-Nadwah

- 2- Poster An-Nadwah *Online*
- 3- Poster Hebahan atau bahan grafik
- 4- *Live FB* BADAR X SAMTTAR

